

23/01/2002

Karyawan anjur seminar muzik besar-besaran

BEBERAPA pelan tindakan khas sedang disediakan Persatuan Karyawan Malaysia (Karyawan) bagi membangunkan semula industri muzik tempatan yang semakin tidak menentu keadaannya sejak akhir-akhir ini.

Ia termasuk penganjuran konvensyen muzik besar-besaran yang dijadualkan berlangsung di ibu negara menjelang April ini.

Malah, ia yang lebih dikenali sebagai Seminar Industri Muzik Tanah Air 2002 akan dijadikan sebagai satu platform untuk mengenalpasti pelbagai masalah berbangkit dalam industri muzik negara, termasuk cetak rompak.

Kemudiannya, acara itu akan ditransformasi menjadi sesi perbincangan bagi mencari jalan penyelesaian terbaik terhadap segala masalah berkenaan.

Timbalan Presiden Karyawan, Freddie Fernandez, berkata idea penganjuran acara besar itu dicetuskan sendiri oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, tahun lalu.

"Malah, beliau juga mahukan konvensyen muzik sebegini juga perlu dijadikan lambang perpaduan dan penyatuan setiap lapisan penggiat muzik yang ada di negara ini," katanya.

Tambah Freddie, Muhyiddin juga mahukan konvensyen muzik dijadikan satu pendekatan terbaik berhubung penyelidikan, selain pembangunan semula industri muzik tanah air.

"Malah, kita akan memberikan keutamaan kepada pelbagai bidang baru berhubung kaedah pengedaran dan pemasaran karya muzik di negara ini, tanpa bergantung harap kepada kaedah konvensional.

"Lagipun, dunia semakin berkembang dan kita punya banyak teknologi terkini. Mana tahu, kita boleh mengedar dan memasarkan album menerusi Internet, tanpa pergi ke kedai kaset atau CD lagi," katanya.

Difahamkan, penganjuran konvensyen muzik gergasi itu turut membabitkan kerjasama beberapa persatuan hiburan lain yang aktif memperjuangkan industri muzik tanah air, termasuk hak dan kepentingan penggiatnya.

Ia termasuk beberapa badan pemungut royalti muzik, khusus bagi persembahan awam di negara ini.

"Dari segi penyertaan, kita amat mengalu-alukan kehadiran setiap lapisan penggiat muzik, termasuk pemilik dan pengendali syarikat rakaman, syarikat penerbitan muzik, studio rakaman dan publishing house.

"Tidak ketinggalan media cetak, stesen radio, stesen televisyen, pemilik dan pengendali hotel, pusat peranginan, pusat hiburan serta institut pengajian tinggi (IPT) awam mahupun swasta yang menawarkan pelbagai bidang pengajian berkaitan muzik.

"Penyertaan mereka ni penting kerana penganjur amat mementingkan penyertaan setiap kelompok penggiat muzik kerana mereka turut menyumbang ke arah pembangunan industri muzik tanah air," katanya .

Kata Freddie, penganjur turut membuka peluang kepada orang ramai, terutama peminat muzik untuk menyertai acara yang julung kali dianjurkan itu.

"Lagipun, tiada bayaran akan dikenakan," katanya.

Tambah Freddie, seminar itu akan turut dihadiri wakil Mungkin dari Kementerian Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan (KKKP) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP).

"Kebetulan ketiga-tiga kementerian itu memang terbabit secara langsung dalam industri muzik tanah air, terutama ketika timbul masalah berbangkit seperti cetak rompak dan isu penghibur asing.

"Mungkin, kita boleh adakan sesi dialog bersama pihak menteri mahupun timbalan menteri berkenaan, begitu juga pegawai kanan mereka," katanya.

Difahamkan, Seminar Industri Muzik Tanah Air 2002 dianjurkan sebagai menyahut saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melancarkan Ekspo Muzik 2001 di Mid Valley Megamall, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Antara lain, Dr Mahathir dalam ucapan perasmiannya menyatakan muzik boleh dijadikan alat bagi mencapai perpaduan rakyat di negara ini kerana ia adalah seni warisan budaya yang boleh dikongsi pelbagai kaum.

(END)